

# Balasan rogol murid

Kosmo 24/11/2011 10.

Oleh ADHAM SHADAN  
adham.shadan@kosmo.com.my

**KOTA BHARU** - Selepas lima tahun dibicara, Mahkamah Sesyen di sini semalam akhirnya menjatuhkan hukuman 12 tahun penjara berserta dua sebatan ke atas seorang guru kerana didapati bersalah merogol anak muridnya yang berusia 12 tahun ketika kejadian.

Hakim Zainal L. Saleh memutuskan hukuman itu ke atas Mohd. Saidi Che Tengah, 44, selepas mendapati pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes tanpa keraguan munasabah ke atas dua pertuduhan rogol yang dihadapkan ke atas bapa kepada lapan anak itu.

"Ini kesalahan serius. Faktor kepentingan awam juga saya ambil kira dalam memutuskan sesuatu hukuman yang dapat memberikan pengajaran kepada kamu dan seterusnya dapat menghantar mesej kepada masyarakat supaya tidak melakukan kesalahan yang sama.

"Kamu sebagai guru yang diamanahkan untuk mengajar murid sepatutnya tidak melakukan perbuatan seperti itu kerana tidak ada satu sebab pun untuk dia (mangsa) diperlakukan seperti itu. Bayangkan kalau perkara se-



**MOHD. SAIDI** diiringi keluar dari Mahkamah Sesyen selepas dihukum penjara 12 tahun semalam.

perti ini yang berlaku kepada anak kamu?," kata Zainal.

Mohd. Saidi yang berasal dari Tanah Merah dan mengajar di sebuah sekolah kebangsaan didapati bersalah dan dijatuhi hukuman penjara 12 tahun bagi pertuduhan pertama iaitu merogol anak muridnya yang ber-

**Kamu juga ada isteri dan anak. Bayangkan kalau perkara seperti ini yang berlaku kepada anak kamu**

**HAKIM ZAINAL L. SALEH**

usia 12 tahun pada waktu tengah hari 5 Ogos 2006 di rumah ibu tertuduh di sini.

Bagi pertuduhan kedua, Mohd. Saidi didapati bersalah merogol murid yang sama pada pagi 8 September 2006 di sebuah bilik di resort di daerah Bachok dan dijatuhi hukuman penjara 12 tahun dan dua sebatan.

Bagaimanapun hukuman penjara bagi kedua-dua pertuduhan berjalan secara serentak.

Mohd. Saidi turut dituduh merogol murid sama pada pukul 12 September 2006 di antara pukul 11.30 malam hingga pukul 12 malam di sebuah hotel di Kuala Lumpur namun dilepaskan dari

kes itu kerana mempunyai alibi.

Kesemua pertuduhan didakwa mengikut Seksyen 376 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan boleh dikenakan sebatan.

Pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Nor Hamidah Ghazali dan tertuduh diwakili peguam bela Aminuddin Ahmad dan Muhammad Hasif Hassan.

Selepas hukuman diputuskan oleh Zainal, Aminuddin dan Hasif memohon supaya hukuman tersebut ditangguhkan untuk dirayu namun dibantah Nor Hamidah.

Mahkamah bagaimanapun membenarkan penangguhan tersebut dan menetapkan jaminan RM10,000 dengan seorang penjamin bagi setiap pertuduhan.